



Hawa Ngah, 92, mendukung cucu, Balkis Najwa ke rumah anaknya selepas rumah beliau di Kampung Lanchang **dinaiki air semula**.



Pelajar Sekolah Menengah Agama Mahmudiah, Hulu Terengganu **diarah pulang** kerana sekolah dinaiki air.

[FOTO ASWADI ALIAS/BH]



Jusoh Mohd menggunakan sampan untuk **mengambil surat** daripada posman di Kampung Matang, Hulu Terengganu.

31 sekolah masih ditutup

» *Gelombang kedua bah jejas penggal baru persekolahan*

Oleh Hanneeyzah Bariah
Baharin dan Betty Subaryati
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Gelombang kedua banjir yang melanda Pantai Timur menyebabkan 31 sekolah di Terengganu dan lima di Kelantan tidak dapat memulakan penggal baru persekolahan, semalam.

Di Kuala Terengganu, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman, berkata sekolah terbabit, termasuk lapan sekolah menengah membabitkan 12,000 pelajar.

Daerah paling terjejas

Beliau berkata, daerah Hulu Terengganu catat jumlah terbanyak membabitkan 13 sekolah yang tidak dapat dibuka akibat banjir, diikuti Besut (12) dan masing-masing tiga di Kemaman dan Setiu.

“Sekolah ini tidak dapat memulakan sesi persekolahan kerana masih ditutup akibat dinaiki air dan masih dalam



Mohd Asli Adam menggunakan sampan untuk **menghantar anak ke SK Gual Tok Deh**, Rantau Panjang, semalam.

proses pembersihan, manakala sebahagiannya menjadi pusat pemindahan sementara dan ada yang terputus hubungan berikutan jalan ke sekolah dinaiki air.

“Kita tidak dapat memastikan berapa lama lagi sekolah ini akan ditutup dan ia bergantung kepada situasi banjir.

“Kita harap banjir gelom-

bang kedua ini cepat surut dan semua pelajar dapat ke sekolah seperti biasa,” katanya selepas meninjau hari pertama persekolahan 2013 di Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Jembal, di sini, semalam.

Ahmad Razif berkata, sekolah yang ditutup kerana dinaiki air, termasuk Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Periok; SK Tengku Ampuan Intan; Sekolah Menengah Agama (SMA) Mahmudiah dan Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang, semuanya di Hulu Terengganu.

5 sekolah di Kelantan terjejas

Di Kota Bharu, Pengarah Jabatan Pelajaran negeri, Husain Awang, berkata lima sekolah di Tumpat dan Pasir Mas tidak dapat memulakan sesi persekolahan, berikutan laluan masih ditenggelami banjir di antara 0.5 hingga satu meter.

Beliau berkata, sekolah terbabit ialah SK Simpangan membabitkan 287 murid, SK Bendang Pak Yong (470); SK Telok Jering (415); Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Nurulhuda (205), manakala SABK Diniah Kampung Bongor dengan 50 murid.

“Berikutan hujan berterusan sejak dua hari lalu, laluan ke sekolah berkenaan yang sebelum ini agak surut kembali dipenuhi air,” katanya.